



NEGERI BRUNEI

E 13 TAHUN 1983

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

Beta bersetuju,

MOHOR

DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN.

24-3-83

Satu Undang2 untuk menggubal semula dengan pindaan2 undang2 yang berhubong dengan pemeliharaan ketenteraman dalam negeri.

[]

ADA-LAH DI-PERBUAT oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan nasihat dan persetujuan Majlis Mashuarat Negeri seperti berikut :

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran
pendek dan
permulaan.

Tafsiran.

1. Undang2 ini boleh di-gelar sebagai Undang2 Ketenteraman Dalam Negeri, 1982 dan hendak-lah berjalan kuatkuasa-nya pada satu tarikh yang Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dalam kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, menetapkan.
2. (1) Dalam Undang2 ini, melainkan jika maksud-nya berkehendakkan ma'ana yang lain —
 - "peluru" berma'ana peluru bagi sebarang senjata api saperti yang di-huraikan selepas ini dan termasok bom2 tangan, bom2 dan lain2 peluru sama ada atau tidak boleh di-gunakan dengan sesuatu senjata api saperti itu, dan sebarang peluru yang mengandungi atau di-bentok atau di-sesuaikan untuk mengandungi sebarang benda chayer yang membahayakan, wap atau lain2 benda ;
 - "makalah" berma'ana sebarang jenis makalah yang mengandungi atau memuatkan bahan untuk dibacha atau di-lihat atau kedua2-nya sekali, sebarang rakaman suara, dan sebarang filem, keset video, negatif gambar atau lain2 rakaman sesuatu gambar ;
 - "kumpolan" berma'ana sebarang perkumpolan seramai lima orang atau lebih ;
 - "Obat bedil" —
 - (a) berma'ana serbok obat bedil, nitroglycerine, dynamite, kapas-meriam, serbok pemecah, fulminate of mercury atau lain2 logam, api berwarna dan tiap2 benda lain, sama ada atau tidak serupa dengan benda2 yang tersebut di atas, digunakan atau di-buat dengan tujuan hendak menghasilkan kesan2 dengan jalan letopan saperti yang di-huraikan di atas ; dan
 - (b) termasok alamat kabus tebal, bunga api dan merchun, sumbu2, roket2, percussion-caps, detonators, peluru cartridges, semua jenis

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

peluru dan tiap2 penyesuaian atau persediaan sesuatu letopan atau kesan2 bunga api ; dan

- (c) termasok sebarang bahan untuk membuat sebarang obat bedil dan sebarang alat2, jentera, perkakas atau bahan yang di-gunakan atau bertujuan untuk di-gunakan atau di-sesuaikan bagi menyebabkan atau membantu dalam menyebabkan sebarang letopan dalam atau dengan sebarang obat bedil, dan mana2 bahagian dari sebarang alat, jentera atau perkakas tersebut ;

"senjata api" berma'ana sebarang jenis senjata berlaras yang boleh menyebabkan maut dari mana sebarang tembakan, peluru atau lain2 benda terbang boleh di-lepaskan atau boleh di-sesuaikan untuk melepaskan sebarang tembakan, peluru atau lain2 benda terbang dan sebarang senjata tidak kira apa jenis pun yang di-bentok atau di-sesuaikan untuk melepaskan sebarang benda chayer yang membahayakan, wap atau lain2 benda, dan yang termasok sebarang bahagian benda mana2 senjata seperti yang tersebut dahulu ;

"benda yang menchederakan" berma'ana sebarang benda yang bersifat sedemikian atau terdapat dalam kuantiti yang mana boleh di-gunakan untuk menyebabkan atau membantu dalam menyebabkan kechederaan kepada orang itu atau kepada harta-benda ;

"mashuarat" berma'ana satu kumpulan yang di-adakan bagi tujuan membinchangkan perkara2 untuk faedah ramai atau bagi tujuan membayangkan pendapat2 mengenai perkara2 seperti itu ;

"senjata yang menjadi kesalahan" termasok sebarang perkakas yang mana kalau di-gunakan sebagai satu senjata untuk melakukan kesalahan mungkin menyebabkan kechederaan ;

"pegawai memerentah Daerah Polis" berma'ana pegawai yang di-lantek untuk menjalankan tugas2 jawatan itu dan bila pegawai tersebut tidak dapat kerana ketidakhadiran, sakit atau sebaliknya untuk

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

menjalankan tugas2-nya, berma'ana pegawai polis yang hadir bertugas di-Daerah Polis yang hampir pangkat-nya di-bawah pegawai yang di-lantek saper-ti yang tersebut dahulu ;

Penggal 50. "pasokan polis" mempunyai ma'ana yang sama saperti dalam Undang2 Pasokan Polis, dan termasok —

- (a) Pasokan Polis Sukarela Brunei, atau mana2 bahagian daripada-nya, semasa menjalankan tugas ; dan
- (b) apa jua pasokan polis tambahan atau khas yang di-tubohkan di-bawah mana2 undang2 bertulis yang pada masa itu berkuatkuasa, atau mana2 bahagian dari mana2 pasokan sedemikian, semasa menjalankan tugas ;

"pegawai polis" berma'ana mana2 anggota dari pasokan polis ;

Bil. 14 tahun
1978. "pegawai penjara" mempunyai ma'ana yang sama saperti yang di-dalam Undang2 Penjara, 1978 ;

"perarakan" berma'ana satu perarakan seramai lima orang atau lebih atau tiga buah atau lebih kereta atau kapal ;

"tempat orang ramai" termasok sebarang jalan besar, jalan orang ramai, jalan raya, kebun atau taman orang ramai, sebarang pantai, sungai, jalan-ayer, jambatan orang ramai, lorong, tempat jalan kaki, halaman, medan, jalan kecil atau tempat lalu lalang, sama ada tempat itu boleh di-lalui atau tidak, sebarang tanah Kerajaan, sebarang pa^hggong atau tempat hiboran orang ramai dari sebarang jenis atau tempat lain untuk kunjongan umum yang di-kenakan bayaran masok atau orang ramai boleh memasuki-nya, dan sebarang tempat lapang (sama ada terkepong atau tidak) di-mana pada masa itu orang ramai di-biar atau di-benarkan masok, sama ada dengan bayaran atau tidak ;

"jalan orang ramai" berma'ana sebarang jalan besar orang ramai atau sebarang jalan di atas mana orang ramai berhak melalui atau di-benarkan memasuki-

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

nya, dan termasok setiap jalan, lorong, jambatan, tempat lalu lalang, tempat jalan kaki atau halaman di atas mana orang ramai berhak melalui atau dibenarkan memasuki-nya ;

"pasukan keselamatan" berma'ana pasukan polis, Askar Melayu Di-Raja Brunei, Pasukan Simpanan Gurkha mana2 pasukan bersenjata Negeri ini yang lain pada masa itu, atau mana2 pasukan melawat yang ada pada masa itu di-Negeri ini dengan kuatkuasa sebarang undang2 bertulis atau dengan kuatkuasa apa juu penyusunan yang sah yang dibuat oleh atau bagi pehak Negeri ini ; dan

"makalah subversif" berma'ana sebarang makalah yang mengandungi sebarang perkara subversif dan sebarang makalah yang bertujuan sebagai satu makalah subversif akan di-anggap sebagai satu makalah subversif sehingga ia-nya di-buktikan sebalik-nya.

(2) Bagi maksud2 Undang2 ini, sebarang perbuatan, benda atau perkataan akan di-anggap sebagai subversif sekira-nya ia —

- (a) mempunyai tujuan menderhaka menurut ma'ana dalam kandongan Undang2 Derhaka dan Membelot ;
- (b) mungkin merangsangkan kekachauan yang tersusun terhadap orang2 atau harta-benda di-Brunei ;
- (c) menyokong, menyebarkan atau mempertahankan sebarang perbuatan yang memudharatkan keselamatan orang ramai dalam Negeri ini atau pemeliharaan atau pemulihan ketenteraman orang ramai dalam Negeri, atau menghasut atau mungkin membawa kapada kekerasan, atau menghasut supaya tidak mematohi undang2 Brunei atau sebarang perentah yang sah di-dalam Negeri ;
- (d) menghasut atau mungkin membawa kapada perasaan dendam atau permusuhan antara bangsa2 atau puak2 yang berlainan dari penduduk2 Negeri ini ;

Penggal 24.

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

- (e) ada-lah satu rekod atau akaun atau resit, atau menjemput, memohon atau meminta sokongan untok atau kerana sebarang kutipan, langganan, sumbangan atau derma, sama ada berupa wang atau bukan, untok faedah atau kegunaan sechara langsung atau tidak sechara langsung bagi orang2 yang bertujuan memperbuat atau akan memperbuat, atau telah memperbuat, dengan chara yang memudharatkan keselamatan orang ramai di-dalam Negeri ini atau kapada pemeliharaan atau pemulihan ketenteraman orang ramai dalam Negeri, atau siapa yang menghasut kapada kekerasan dalam Negeri atau menghasut kapada ketidaktaatan kapada undang2 Brunei atau sebarang perentah yang sah di-dalam Negeri ; atau
- (f) ada-lah mungkin mendatangkan kebenchian atau kekejian atau membangkitkan perasaan permusohan terhadap —
 - (i) apa jua jenis pegawai Kerajaan, atau mana2 pegawai Kerajaan pada menjalankan tugas2-nya ; atau
 - (ii) mana2 pasukan bersenjata yang sah di-dalam Negeri, atau mana2 anggota pasukan sedemikian pada menjalankan tugas2-nya.

(3) Sebarang rujukan dalam Undang2 ini kapada kereta, kapal atau kapal udara tidak akan termasuk sebarang kereta, kapal atau kapal udara pada masa itu digunakan bagi maksud2 mana2 pasukan keselamatan.

Kawasan2 khas.

3. (1) Menteri Besar dengan kebenaran dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dari semasa kesemasa dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*, mengishtiharkan bahawa bab2 (selain dari bab2 14, 17 dan 20) dalam Bahagian III dan bab 28 atau mana2 jua dari bab2 tersebut (selain dari bab2 14, 17 dan 20) akan berjalan kuatkuasanya dalam sebarang daerah, kawasan atau tempat yang ditentukan dalam perishtiharan tersebut.

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

(2) Dalam sebarang bab yang mempunyai kuasa pada masa itu dengan kuatkuasa satu perishtiharan di-bawah cheraian (1) "kawasan khas" berma'ana mana2 daerah, kawasan atau tempat dalam mana bab itu mempunyai kuasa saperti yang tersebut dahulu.

BAHAGIAN II

KAWALAN PAKAIAN2 SERAGAM, BENDERAS, PERTUBOHAN2 YANG SERUPA DENGAN TENTERA, BERKAWAD SECHARA HARAM, MASHUARAT2, PERARAKAN2 DAN PERKUMPOLAN2, DLL.

Kawalan pakaian2 seragam dan bendera2, dll.

4. (1) Sebarang orang yang memakai di-sebarang tempat orang ramai atau di-sebarang tempat perjumpaan orang ramai pakaian seragam yang menandakan hubongan-nya dengan sebarang pertubohan politik atau untuk maksud memajukan sebarang pertubohan politik atau untuk memajukan sebarang tujuan politik ada-lah melakukan satu kesalahan : Hukuman, penjara selama enam bulan dan denda sebanyak sa-ribu ringgit :

Tegahan berpakaian seragam berkaitan dengan tujuan2 politik.

Dengan sharat bahawa kalau Mentri Besar berpuas hati bahawa pemakaian sebarang pakaian seragam saperti yang tersebut itu di-mana2 upachara ulang tahun atau lain2 upachara khas tidak mungkin mendatangkan bahaya kepada ketenteraman umom, ia boleh memberikan kebenaran bertulis bagi pemakaian pakaian seragam saperti itu di-upachara itu sama ada dengan tidak bersharat atau terta'alok kepada sharat2 yang di-tentukannya di-dalam kebenaran bertulis itu.

(2) Sebarang orang yang melanggar sharat2 sebarang kebenaran yang di-berikan di-bawah pesharat kapada cheraian (1) ada-lah melakukan satu kesalahan : Hukuman, penjara selama enam bulan dan denda sebanyak sa-ribu ringgit.

5. (1) Dalam bab ini "persatuan" mempunyai ma'ana yang sama saperti di-dalam Undang2 Persekutuan2.

Mengibarkan bendera oleh persatuan2. Penggal 66.

(2) Sa-sebuah persatuan tidak boleh mengambil sesuatu bendera sebagai bendera-nya sendiri melainkan

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

bendera itu (sesudah ini di-ketahui sebagai "bendera persatuan") telah di-sahkan oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat dengan mengeluarkan dalam *Warta Kerajaan*; dan Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh menentukan dalam kenyataan yang di-buat-nya itu sharat2-nya bendera saperti itu boleh di-kibarkan.

(3) Kalau sebarang persatuan mengambil sebagai bendera persatuan-nya sesuatu bendera yang belum di-luluskan oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat di-bawah cheraian (2), maka yang di-pertua, dan setiausaha dan semua ahli2 jawatankuasa, atau kalau jawatan2 saperti itu tidak ada, maka semua orang2 yang menyandang jawatan2 serupa dengan yang di-pertua, setiausaha, dan ahli jawatankuasa, dan semua orang yang mengurus atau membantu dalam urusan persatuan saperti itu ada-lah melakukan satu kesalahan : Hukoman, penjara selama sa-tahun dan denda sebanyak dua ribu ringgit.

(4) Sebarang orang yang mengibarkan sebarang bendera persatuan —

- (a) yang tidak di-luluskan oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat di-bawah cheraian (2); atau
- (b) dengan melanggar sebarang sharat2 yang di-kenakan oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat di-bawah cheraian (2),

ada-lah melakukan satu kesalahan : Hukoman, penjara selama tiga bulan dan denda sebanyak lima ratus ringgit.

Kuasa
menegah
bendera2,
pakaian2
seragam, dll.

6. (1) Jika di-fikirkan-nya perlu bagi kepentingan orang ramai, Menteri Besar boleh dengan perentah yang di-siarkan dalam *Warta Kerajaan* menegah penghasilan, penjualan, penggunaan, pengibaran atau pemilekan sebarang bendera, panji2, lenchana, lambang, alat, pakaian seragam atau pakaian yang jelas perbezaan-nya.

(2) Sebarang orang yang melanggar sebarang sharat dari sesuatu perentah yang di-buat di-bawah bab ini ada-lah melakukan satu kesalahan : Hukoman, penjara selama sa-tahun dan denda sebanyak dua ribu ringgit.

(3) Sebarang makalah berhubong dengan-nya sesuatu kesalahan telah di-lakukan di-bawah bab ini boleh di-

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

rampas dan di-musnahkan atau di-uruskan sechara lain saperti yang di-arahkan oleh Pesurohjaya Polis, sama ada pengenalan pesalah itu di-ketahui atau tidak dan sama ada atau tidak sebarang penda'awaan telah di-mulakan berhubong dengan kesalahan itu.

Pertubohan2 yang serupa dengan tentera dan berkawad sechara haram

7. (1) Jika ahli2 atau pengikut sebarang persatuan orang2, sama ada atau tidak tertuboh dengan lengkap-nya, ada di-tubohkan, di-latih atau di-lengkapkan bagi tujuan membolehkan mereka bekerja —

- (a) merampas tugas2 sebarang pasukan keselamatan ; atau
- (b) sama ada bagi menggunakan atau menunjukkan kekuatan tenaga untuk tujuan2 politik atau lain2-nya, atau dengan chara yang boleh di-anggap bahawa mereka di-tubohkan atau di-latih atau di-lengkapkan bagi tujuan2 itu,

Tegahan
pertubohan
yang serupa
dengan
tentera.

maka sebarang ahli atau pengikut persatuan sedemikian ada-lah melakukan satu kesalahan : Hukoman penjara selama sa-tahun dan denda sebanyak dua ribu ringgit ; dan sebarang orang yang menegakkan atau bersubahat dengan orang lain untuk menegakkan, atau sesiapa yang mengambil bahagian dalam pengawalan atau pengurusan persatuan itu, atau dengan menubohkan atau melatih saperti yang tersebut tadi sebarang ahli atau pengikut-nya, adalah melakukan satu kesalahan : Hukoman, penjara selama lima tahun dan denda :

Dengan sharat bahawa, dalam sebarang perbicharaan sa-seorang yang di-tudoh dengan kesalahan mengambil bahagian dalam pengawalan atau pengurusan sa-buah persatuan saperti yang tersebut, maka akan menjadi satu penapian kapada tuduhan itu untuk membuktikan bahawa ia tidak membenarkan, atau redza, penubohan, latihan atau melengkapkan sebarang ahli atau pengikut persatuan itu sechara melanggar sharat2 bab ini.

(2) Kalau, atas permintaan di-buat oleh atau bagi pehak Peguam Negara, maka kelihatan pada Mahkamah

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

Tinggi bahawa sebarang persatuan itu ia-lah sebuah persatuan yang mana ahli2 atau pengikut2-nya di-tubohkan, dilatih atau di-lengkapkan sechara melanggar sharat2 bab ini, mahkamah itu boleh —

- (a) membuat perentah saperti itu yang di-fikirkan mustahak untuk menahan pembahagian harta-benda yang di-pegang oleh atau bagi pehak persatuan itu dengan tidak mendapat kebenaran mahkamah ;
- (b) memerentahkan suatu penyiasatan dan membuat satu laporan mengenai sebarang harta-benda saperti yang tersebut dan mengenai hal ehwal persatuan itu ;
- (c) membuat sebarang perentah selanjutnya saperti yang di-fikirkan oleh mahkamah itu adil dan saksama untuk maksud —
 - (i) membayar hutang2 persatuan itu yang dibuat-nya sechara halal sa-belum tarikh permohonan itu, atau semenjak tarikh itu dengan kebenaran mahkamah ;
 - (ii) membayar balik wang2 kapada orang2 yang menjadi pelanggan2 atau penderma2 kapada persatuan itu dengan niat yang baik tanpa mengetahui sebarang pelanggaran undang2 saperti yang tersebut ; dan
 - (iii) sebarang perbelanjaan yang di-lakukan yang berkaitan dengan mana2 penyiasatan dan laporan saperti yang tersebut, atau dalam menyelesaikan atau membubarkan persatuan itu ; dan
- (d) memerentahkan supaya mana2 harta-benda yang tidak di-arahkan oleh mahkamah untuk di-kenakan saperti yang tersebut akan di-jadikan milek Kerajaan.

(3) Dalam mana2 perbicharaan jenayah atau sivil dibawah bab ini, bokti benda2 yang di-buat atau kata2 yang di-tulis, di-chakapkan atau di-siarkan, sama ada atau tidak di-hadapan sebarang pehak kapada perbicharaan itu, oleh

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

sebarang orang yang mengambil bahagian dalam pengawalan atau pengurusan sesuatu persatuan atau dalam menubohkan, melatih atau melengkapkan ahli2 atau orang2 yang berkaitan dengan sesuatu persatuan itu, akan boleh di-terima sebagai keterangan jelas untuk maksud, atau chara, ahli2 atau pengikut2 persatuan itu ditubohkan, di-latih atau di-lengkapkan.

(4) Kalau sa-seorang majistret itu berpuas hati dengan jalan penerangan bahawa ada alasan2 yang munasabah yang membawa shak bahawa satu kesalahan di-bawah bab ini telah di-lakukan, dan keterangan berlaku-nya kesalahan itu boleh di-dapati di-sebarang tempat tinggal atau tempat itu yang di-tentukan dalam keterangan itu, ia boleh dengan waran membenarkan orang yang di-sebut dalam perentah itu memasuki, dengan bantuan2 yang mungkin di-kehendaki, tempat tinggal atau tempat itu pada bila2 masa dalam masa satu bulan dari tarikh waran itu, kalau mustahak dengan menggunakan kekerasan dan menggeledah tempat tinggal atau tempat itu dan tiap2 orang yang di-dapati di-dalam-nya, dan merampas sebarang benda yang di-dapati dalam tempat tinggal atau tempat itu, atau pada sebarang orang saperti itu, yang mana pegawai itu mempunyai alasan2 yang munasabah bagi menshaki sebagai keterangan berlaku-nya sesuatu kesalahan saperti yang tersebut :

Dengan sharat bahawa perempuan tidak-lah boleh, menurut sesuatu waran yang di-keluarkan di-bawah cheraian ini, di-pereksa badan-nya melainkan oleh sa-orang perempuan juga.

(5) Tidak ada apa2 dalam bab ini yang akan di-sifatkan sebagai tegahan menggaji beberapa orang sebagai penjaga2 untuk membantu menjaga ketenteraman sesuatu mashuarat umom yang di-adakan di-tempat2 tinggal persendirian dengan kebenaran tuan punya tempat2 tinggal itu, atau membuat persediaan2 untuk tujuan itu atau perentah kapada orang2 gaji begitu dalam tugas2 mereka yang halal sebagai penjaga2, atau mereka di-beri lenchana atau lain2 tanda pengenalan.

8. (1) Sebarang orang, selain daripada sa-orang anggota sebarang pasukan keselamatan atau daripada sebarang persatuan yang khas-nya di-kechualikan oleh Menteri Besar siapa —

Berkawad
sechara
haram.

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

- (a) yang hadzir atau menghadziri sebarang mashuarat atau kumpolan bagi tujuan melatih atau mengawad mereka sendiri tentang menggunakan senjata2 atau di-latih atau di-kawad begitu, atau bagi tujuan menjalankan latihan2, gerakan2 dan perkembangan2 tentera ; atau
- (b) yang hadzir atau menghadziri sebarang mashuarat atau kumpolan seperti itu bagi tujuan melatih atau mengawad sebarang orang lain tentang menggunakan senjata2, atau menjalankan latihan2, gerakan2 atau perkembangan2 tentera,

ada-lah melakukan satu kesalahan : Hukoman, penjara selama sa-tahun dan denda sebanyak dua ribu ringgit.

(2) Sebarang orang, selain daripada sa-orang anggota sebarang pasukan keselamatan atau dari sebarang persatuan yang khas-nya di-kechualikan oleh Menteri Besar siapa —

- (a) yang melatih atau mengawad sebarang orang lain tentang menggunakan senjata2 atau menjalankan latihan2, gerakan2 atau perkembangan2 tentera ; atau
- (b) yang mengambil bahagian dalam sebarang pengawalan atau pengurusan sebarang persatuan atau pertubuhan yang ahli2-nya telah dilatih atau di-kawad dalam latihan2, gerakan2 atau perkembangan2 tentera,

ada-lah melakukan satu kesalahan : Hukoman, penjara selama lima tahun dan denda yang tidak kurang dari sebanyak lima ribu ringgit.

(3) Tidak ada apa2 dalam bab ini yang akan di-sifatkan sebagai tegahan melatih atau mengawad dalam latihan sebarang orang bagi tujuan membolehkan mereka mengambil bahagian dalam perarakan yang halal.

UNDANGAN KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

Mashuarat dan perarakannya

9. (1) Sebarang orang yang hendak mengurus atau mengadakan suatu mashuarat atau perarakan di-tempat orang ramai hendak-lah terlebih dahulu (dan tidak lebih dari tujuh hari daripada tarikh mashuarat atau perarakan yang di-chadangkan itu) membuat permohonan untuk mendapatkan kebenaran untuk maksud itu kepada Pesurohjaya Polis.

Surat kebenaran yang di-perlukan untuk mashuarat dan perarakannya di-tempat orang ramai.

(2) Apabila sesuatu permohonan di-buat kepada Pesurohjaya Polis untuk mendapatkan kebenaran dibawah cheraian (1) maka ia akan, melainkan ia berpuas hati bahawa mashuarat atau perarakan seperti itu mungkin mengancham keamanan atau ketenteraman, mengeluarkan satu kebenaran menentukan —

- (a) berkenaan dengan perarakan, tujuan perarakan itu, dan jalan2 yang mana, dan masa-nya, perarakan itu boleh melalui, dan lain2 sharat yang di-fikirkan-nya patut di-kenakan ;
- (b) berkenaan dengan mashuarat, tujuan mashuarat dan tempat dan masa atau masa2 atau di-antara tempoh mana, mashuarat seperti itu boleh di-adakan, dan lain2 sharat yang di-fikirkan-nya patut di-kenakan ; dan
- (c) Nama atau nama2 orang atau orang2 kepada siapa kebenaran itu di-keluarkan.

(3) Tiap2 orang yang di-beri kebenaran dibawah cheraian (2) akan bertanggong-jawap bagi mematahui semua sharat2 yang di-tentukan dalam surat kebenaran itu.

(4) Menteri Besar boleh, dengan perentah, yang di-siarkan dalam *Warta Kerajaan*, mengechualikan sebarang jenis mashuarat atau perarakan, dari semua atau sebarang dari sharat2 dalam bab ini.

10. (1) Kalau pada pandangan-nya mustahak di-buat begitu kerana kepentingan keselamatan ramai dan menjaga ketenteraman am pada sebarang masa, Menteri Besar, boleh, dengan perentah —

Kuasa2 Menteri Besar.

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

- (a) menegah pengurusan, pemanggilan atau di-adakan sebarang kumpolan di-mana2 tempat, sama ada atau tidak tempat itu tempat orang ramai, dalam mana2 kawasan yang di-tentukan dalam perentah itu, sama ada dengan 'am-nya atau tertaalok kapada sebarang sharat2 yang di-tentukan ; atau
 - (b) menegah pengurusan, pemanggilan atau di-adakan sebarang mashuarat atau perarakan di-sebarang tempat, selain daripada tempat orang ramai, dalam mana2 kawasan yang di-tentukan dalam perentah itu, sama ada dengan 'am-nya atau tertaalok kapada sebarang sharat2 yang di-tentukan.
- (2) Tidak ada apa2 dalam bab ini yang akan di-kenakan kapada sebarang kumpolan atau perarakan yang di-adakan di-sabuah masjid, gereja, rumah berhala atau lain2 tempat sembahyang semata2 untuk tujuan ugama menurut adat yang di-pakai oleh masjid, gereja, rumah berhala dan lain2 tempat sembahyang.

Kuasa2
memberhenti
dan
menyuraikan
kumpolan2
haram.

11. (1) Dalam bab ini dan dalam bab2 12 dan 21 —

“mashuarat haram” dan “perarakan haram” masing2 berma’ana sebarang mashuarat atau sebarang perarakan yang mana telah di-uruskan atau di-panggil atau di-adakan —

- (a) yang melanggar bab 9 atau mana2 sharat yang terkandong dalam kebenaran yang di-keluarkan di-bawah bab 9(1) ; atau
- (b) yang melanggar sesuatu perentah di-bawah bab 10(b) atau mana2 sharat yang di-tentukan dalam perentah sedemikian ;

“kumpolan haram” berma’ana sebarang kumpolan yang telah di-uruskan atau di-panggil atau di-adakan yang melanggar sesuatu perentah di-bawah bab 10(a) atau mana2 sharat yang di-tentukan dalam perentah sedemikian ; dan

“kelompok haram” berma’ana sesuatu mashuarat haram atau perarakan haram atau kumpolan haram.

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

(2) Sebarang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari merinyu boleh —

- (a) memberhentikan sebarang perarakan haram ; dan
- (b) memerentahkan sebarang kumpolan haram supaya bersurai.

(3) Sebarang kumpolan haram akan di-anggap sebagai perhimpunan haram menurut ma'ana dalam kandongan bab 141 dari Undang2 Hukoman Jenayah dan Penggal VIII dari Undang2 Peratoran Jenayah.

Penggal 22.
Penggal 7.

12. (1) Sebarang orang yang mengambil bahagian dalam sebarang kumpolan haram ada-lah melakukan satu kesalahan : Hukoman, penjara selama enam bulan dan denda sebanyak satu ribu ringgit.

Kesalahan2
dan
Hukoman2.

(2) sebarang orang yang —

- (a) mengambil bahagian dalam mengurus, mengadakan atau mengarahkan sebarang kumpolan haram ; atau
- (b) terus mengambil bahagian dalam sebarang kumpolan haram yang mana telah dipersetuhkan di-bawah bab 11(2)(b) supaya bersurai,

ada-lah melakukan satu kesalahan : Hukoman, penjara selama satu tahun dan denda sebanyak dua ribu ringgit.

BAHAGIAN III

KUASA2 MEMELIHARA KETENTERAMAN DALAM NEGERI

Kawalan dan penutopan jalan2, dll.

13. Dalam sebarang kawasan khas —

Menutop
jalan2, dll.

- (a) kalau pada pandangan-nya mustahak kerana kepentingan keselamatan ramai dan menjaga ketenteraman 'am, Pesurohjaya Polis atau pegawai memerentah Daerah Polis boleh dengan perentah atau dengan memberi arahan2 atau dalam mana2 chara yang di-fikirkan-nya sesuai

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

mengator, menyekat, mengawal atau menegah penggunaan sebarang jalan, lorong, jalan kecil atau jalan-ayer atau tempat orang ramai atau menutop sebarang jalan, lorong, jalan kecil, jalan-ayer atau tempat orang ramai kapada orang ramai atau sebarang golongan orang ramai atau kapada sebarang kenderaan atau kapal atau jenis kenderaan atau kapal ;

- (b) kalau pada pandangan pegawai kanan polis yang hadir di-mana2 bahagian kawasan sedemikian bahawa, bagi memulihkan atau memelihara ketenteraman 'am dalam tempat sedemikian, adalah mustahak untuk mengator, menyekat, mengawal atau menegah penggunaan sebarang jalan, lorong, jalan kecil atau jalan-ayer atau sebarang tempat orang ramai yang memasuki atau memberi masuk ka-bahagian sedemikian atau menutop sebarang jalan, lorong, jalan kecil, jalan-ayer atau tempat orang ramai dan bahawa keadaan itu ada-lah perlu segera di-hubongkan dengan sa-barang pegawai yang mempunyai kuasa di-bawah perenggan (a) pegawai sedemikian boleh menjalankan kuasa2 yang di-berikan oleh perenggan itu kapada Pesurohjaya Polis atau pegawai memerentah Daerah Polis :

Dengan sharat ia-itu —

- (i) kuasa2 yang di-berikan oleh perenggan (b) hendak-lah tidak di-jalankan oleh sa-orang pegawai polis di-bawah pangkat sarjan atau pegawai yang menjaga balai polis ; dan
- (ii) tidak ada perentah di-bawah perenggan (b) akan di-pakai selepas tamat-nya satu tempoh selama dua puluh empat jam dari masa bila perentah itu di-buat melainkan di-buat atau di-sahkan oleh Pesurohjaya Polis atau pegawai memerentah Daerah Polis yang mempunyai kuasa di-bawah perenggan (a).

Sekatan2.

14. (1) Dengan tidak menghiraukan sharat2 dari sebarang lain2 undang2 bertulis, sebarang pegawai yang menjaga sa-buah balai polis, atau sa-orang pegawai polis dari atau di atas pangkat merinyu, boleh, bagi maksud memberi

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

kesan kapada sesuatu perentah atau arahan yang di-buat di-bawah bab 13, atau bila saja di-fikirkan-nya perlu berbuat begitu bagi mengekalkan undang2 dan perentah atau bagi menchegah atau mengesan jenayah, mendirikan atau menempatkan sekatan2 di-atas atau menyeberangi mana2 jalan, lorong, jalan kecil, jalan-ayer, atau tempat orang ramai dengan chara yang di-fikirkan-nya sesuai.

(2) Sebarang pegawai polis boleh mengambil semua langkah2 yang munasabah untuk menahan sebarang orang, sama ada yang berjalan kaki atau dalam kenderaan atau kapal, dari melintasi sebarang sekatan sedemikian dan setiap orang hendak-lah mematohi sebarang arahan atau isharat dari pegawai tersebut yang menghendaki orang itu supaya berhenti apabila atau sebelum sampai ka-sekatan sedemikian.

(3) Pegawai polis tidak akan kena mengganti rugi kerana —

- (a) sesuatu kehilangan atau kerosakan kapada sebarang kenderaan atau kapal ; dan
- (b) sesuatu kechederaan kapada sebarang orang,

jika kehilangan, kerosakan atau kechederaan sedemikian ada-lah hasil daripada kegagalan oleh sebarang orang mematohi —

- (i) sebarang pegawai polis yang bertindak di-bawah cheraian (2) ; atau
- (ii) sebarang anggota dari mana2 pasukan keselamatan lain yang bertindak di-bawah cheraian itu dengan kuatkuasa cheraian 23(2)(b).

(4) Sebarang pegawai polis boleh, di-mana2 sekatan, memereksa sebarang orang, kenderaan atau kapal —

- (a) bagi maksud2 mempastikan sama ada orang, kenderaan atau kapal sedemikian membawa sebarang senjata yang menjadi kesalahan, makalah subversif atau benda yang men-chederakan ; atau

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

- . (b) jika pegawai polis sedemikian mempunyai alasan2 yang munasabah kerana memperchayai bahawa sebarang bukti untuk melakukan sesuatu kesalahan mungkin didapati pada orang itu atau dalam kenderaan atau kapal itu.

(5) Perempuan tidak akan di-pereksa di-bawah bab ini melainkan oleh sa-orang perempuan.

(6) Apabila sebarang pegawai polis yang menjalankan mana2 kuasa menchari yang di-berikan kepada-nya oleh bab ini mendapati —

- (a) sebarang senjata yang menjadi kesalahan atau makalah subversif ;
- (b) sebarang benda yang menchederakan yang mana ia mempunyai alasan2 yang munasabah untuk memperchayai bertujuan atau mungkin akan di-gunakan untuk menyebabkan atau membantu menyebabkan kechederaan kepada orang atau harta-benda ; atau
- (c) sebarang bukti untuk melakukan sesuatu kesalahan,

ia boleh merampas sebarang senjata, makalah, benda yang menchederakan atau bukti itu dan juga sebarang kenderaan atau kapal di-mana ia-nya di-dapati.

Perentah2 berkurong dan perentah2 Pengechualian dalam kawasan2 khas

Mengenakan
perentah2
berkurong.

15. (1) Dalam sebarang kawasan khas, Pesurohjaya Polis boleh, kalau pada pandangan-nya mustahak bagi faedah keselamatan orang ramai dan menjaga ketenteraman 'am, teraalok kepada pengechualian seperti yang di-tentukan di-dalam-nya, memerintah tiap2 orang dalam kawasan atau mana2 bahagian di-dalam-nya yang di-tentukan dalam perentah itu supaya berada di-dalam rumah dalam masa dan jam seperti yang di-tentukan melainkan mempunyai satu kebenaran yang bertulis bagi maksud itu yang di-keluarkan oleh sebarang pegawai penguasa sa-buah balai polis atau sebarang pegawai polis yang lain ber-

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

pangkat atau pangkat-nya tinggi daripada merinyu atau sebarang pegawai awam yang di-beri kuasa sechara bertulis bagi maksud itu oleh sa-orang pegawai memerentah Daerah Polis.

(2) Perentah yang di-buat di-bawah cheraian (1) tidak akan terus menerus berjalan bagi satu masa melebihi tiga hari melainkan di-sahkan oleh Menteri Besar.

(3) Perentah di-bawah bab ini tidak akan terkena kapada —

- (a) sebarang ahli Majlis Mashuarat Di-Raja, Majlis Mashuarat Menteri2 atau Majlis Mashuarat Negeri ; atau
- (b) sebarang anggota dari mana2 pasukan keselamatan apabila anggota saperti itu sedang menjalankan tugas yang di-beri kapada-nya ; atau
- (c) sebarang orang atau perengkat orang2 yang di-kechualikan daripada sharat2 perentah itu oleh Pesurohjaya Polis.

16. (1) Dalam mana2 kawasan khas, Pesurohjaya Polis boleh, dengan perentah menyekat kemasukan semua orang atau sebarang perengkat orang2 dari kawasan itu atau mana2 bahagian di-dalam-nya atau dari mana2 tempat atau bangunan di-dalam-nya yang di-tentukan dalam perentah itu dan boleh berkehendakkan mana2 orang yang di-dalam kawasan saperti itu atau bahagian-nya atau tempat atau bangunan supaya mematohi arahan2 itu bagi mengator gerak geri dan kelakuan-nya saperti yang boleh di-arahkan oleh Pesurohjaya Polis.

Pengechualian orang2.

(2) Sebarang pegawai polis boleh memereksa sebarang orang yang masok atau hendak masok, atau yang berada dalam, kawasan tertentu atau bahagian kawasan itu atau tempat atau bangunan, di-mana satu perentah di-bawah cheraian (1) ada pada masa itu berjalan kuatkuasa-nya dan boleh menahan sebarang orang bagi tujuan memereksonya.

(3) Perempuan tidak akan di-pereksa di-bawah bab ini melainkan oleh sa-orang perempuan.

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

(4) Kalau sebarang orang sambil berada di-dalam satu kawasan tertentu atau bahagian kawasan itu atau tempat atau bangunan di-mana satu perentah di-bawah cheraian (1) ada pada masa itu berjalan kuatkuasa-nya gagal mematohi perentah itu atau sebarang arahan yang di-berikan di-bawah-nya di-waktu itu, dengan tidak men-chachatkan mana2 daawaan yang mungkin di-perbuat keatas-nya, ia boleh di-pindahkan dari kawasan saperti itu atau bahagian kawasan itu atau tempat atau bangunan oleh sa-orang pegawai polis.

(5) Kuasa2 yang di-berikan oleh cheraian (1) boleh di-jalankan oleh sebarang pegawai polis yang pangkat-nya tidak rendah dari merinyu yang ada di-beri kuasa bertulis bagi pehak itu oleh Pesurohjaya Polis.

(6) Menteri Besar boleh membuat suatu perentah, dan boleh meminda atau membatalkan mana2 perentah yang di-buat oleh Pesurohjaya Polis, dalam menjalankan kuasa2 yang di-beri oleh cheraian (1).

Kuasa mengawal senjata2 api dan peluru2

Kawalan
senjata2 api
dan peluru2.

17. (1) Kalau pada pandangan-nya mustahak bagi faedah orang ramai Pesurohjaya Polis boleh dari semasa ka-semasa, dengan tidak menghiraukan bahawa lesen2 atau kebenaran2 telah di-keluarkan di-bawah mana2 undang2 bertulis mengenai senjata2 api dan peluru2 saperti itu, dengan perentah yang di-siarkan dalam *Warta Kerajaan*, menegah penggunaan, pemilekan atau penyimpanan sen-jata2 api dan peluru2 di-mana2 bahagian dalam Negeri semasa penerusan perentah sedemikian ; dan boleh, pada masa yang sama, memberi arahan2 —

- (a) mengambil supaya di-simpan semua senjata2 api dan peluru2 ;
- (b) membatalkan atau menggantongkan lesen2 atau kebenaran2 untuk senjata2 api dan peluru2 semasa penerusan perentah saperti itu ;
- (c) memberi notis perentah itu kapada mana2 orang yang, dalam fikiran-nya, patut menerima notis itu ;

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

(d) pada 'am-nya bagi menjalankan kuatkuasa perentah saperti itu ;

(2) Apabila senjata2 api atau peluru2 telah di-ambil supaya di-simpan menurut arahan2 yang di-berikan oleh Pesurohjaya Polis di-bawah cheraian (1), ia boleh menyebabkan senjata2 api atau peluru2 saperti itu di-musnahkan atau di-buang dengan chara lain saperti yang di-fikirkan-nya sesuai :

Dengan sharat bahawa ganti rugi mengenai sebarang senjata2 api dan peluru2 yang di-musnahkan atau di-buang itu akan di-bayar kapada orang yang menyerahkan senjata2 api atau peluru2 itu atau kapada ajen-nya atau pengganti2-nya tetapi ganti rugi saperti itu hendak-lah tidak melebihi harga senjata2 api atau peluru2 itu pada masa ia-nya di-serahkan.

Kuasa2 pasokan2 keselamatan dalam kawasan2 tertentu

18. (1) Kalau dalam mana2 kawasan tertentu, sa-seorang itu bila di-soal oleh sa-orang pegawai polis yang tidak kurang dari pangkat sarjan, gagal memberi puas hati pegawai polis itu tentang pengenalan diri-nya atau terhadap tujuan2 mengapa ia berada di-tempat ia di-dapati itu, dan kalau pegawai polis itu menshakki bahawa orang itu telah bertindak atau kira2 akan bertindak sechara menyinggong keselamatan umom atau penjagaan ketenteraman 'am, pegawai polis itu boleh menangkap orang itu dan menahan-nya menunggu penyiasatan.

Kuasa
menahan
orang2 yang
di-shakki.

(2) Sa-seorang tidak boleh di-tahan di-bawah bab ini bagi satu masa lebih dari dua puloh empat jam melainkan dengan kebenaran pegawai memerentah Polis Daerah yang berkenaan dan, kechuali sebagaimana yang di-sharatkan dalam cheraian (3), pegawai itu hanya boleh membenarkan penahanan sa-seorang di-bawah bab ini bagi satu masa tidak lebih dari empat puloh lapan jam kesemua-nya.

(3) Kalau pegawai memerentah Daerah Polis yang berkenaan itu berpuas hati bahawa penyiasatan yang mustahak tidak boleh di-siapkan dalam masa empat puloh lapan jam yang di-tetapkan oleh cheraian (2), ia boleh membenarkan penahanan selanjut-nya bagi sebarang

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI 1982

orang yang di-tahan di-bawah bab ini bagi satu masa tambahan yang tidak lebih dari empat belas hari tetapi akan, apabila memberi kebenaran saperti itu dengan serta-merta mengadukan perkara itu kapada Pesurohjaya Polis.

(4) Sebarang orang yang di-tahan di-bawah bab ini akan di-kira berada dalam tahanan yang sah di-sisi undang2 dan boleh di-tahan dalam mana2 penjara, atau dalam mana2 balai polis atau di-lain2 tempat serupa itu yang di-benarkan 'am-nya atau khas-nya oleh Menteri Besar.

Kuasa2
memereksa/
menggeledah/
menyelongkar/
meruahi dan
merampas
senjata2 yang
menjadi
kesalahan.

19. (1) Bagi tujuan atau kerana keadaan2 yang disebutkan dalam cheraian (2), sebarang pegawai polis boleh dalam satu kawasan tertentu, dengan tidak berwaran dan dengan atau tanpa bantuan —

- (a) menahan dan memereksa sebarang orang atau kenderaan yang di-dapati berada di-mana2 jalan raya atau tempat awam ; dan
- (b) jika pegawai polis itu berpangkat sarjan atau lebih tinggi dari itu —
 - (i) menahan dan memereksa sebarang orang atau kenderaan sama ada di-suatu tempat awam atau bukan ;
 - (ii) memasuki dan menggeledah mana2 bangunan ;
 - (iii) menaiki dan menyelongkar/mengeledah/meruahi mana2 kenderaan, kapal atau pesawat terbang.

(2) Kuasa2 yang di-berikan oleh cheraian (1) hendaklah di-jalankan —

- (a) bagi tujuan mempastikan sama ada orang, kenderaan, kapal atau pesawat terbang tersebut ada membawa, atau bangunan tersebut ada mengandungi, sebarang senjata yang menjadi kesalahan, makalah subversif atau benda yang menchederakan ; atau
- (b) jika pegawai polis berkenaan mempunyai alasan2 yang munasabah untuk memperchayai

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

bahawa sebarang bukti-keterangan bagi melakukan sesuatu kesalahan mungkin boleh di-jumpai pada diri orang atau di-bangunan itu atau dalam mana2 kenderaan, kapal atau pesawat terbang tersebut :

Dengan sharat ia-itu sebarang pegawai polis di-bawah pangkat sarjan boleh menjalankan kuasa2 yang di-berikan oleh cheraian (1)(b) dan (2) ka-atas sa-orang pegawai polis yang berpangkat sarjan atau lebih tinggi dari itu jika ia mempunyai alasan2 yang munasabah untuk memperchayai bahawa oleh sebab kelewatan yang boleh berlaku jika di-rujok perkara itu kepada sa-orang pegawai yang berpangkat sarjan atau lebih tinggi dari itu sebarang benda yang boleh di-rampas di-bawah cheraian (4) mungkin akan di-pindahkan daripada orang, bangunan, kenderaan, kapal atau pesawat terbang itu di-mana benda tersebut di-perchayai berada.

(3) Tiada sebarang perempuan pun boleh di-pereksa di-bawah bab ini kechuali oleh sa-orang perempuan.

(4) Apabila sebarang pegawai polis menjalankan sebarang kuasa menggeledah yang di-berikan kepada-nya oleh bab ini mendapati —

- (a) sebarang senjata yang menjadi kesalahan atau makalah subversif ;
- (b) sebarang benda yang menchederakan yang mana ia mempunyai alasan2 yang munasabah untuk memperchayai akan di-hajatkan atau mungkin akan di-gunakan untuk menyebabkan atau membantu kapada menyebabkan kechederaan kapada orang atau harta-benda itu ; atau
- (c) sebarang bukti-keterangan untuk melakukan kesalahan,

ia boleh merampas sebarang senjata, makalah, benda yang menchederakan atau bukti-keterangan itu dan juga sebarang kenderaan, kapal atau pesawat terbang dalam mana ia-nya di-dapati.

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

Menghapuskan
harta-benda
yang
di-rampas
di-bawah bab
14 atau 19.

Penggal 7.

Kuasa
menggunakan
kekerasan.

20. (1) Sebarang senjata yang menjadi kesalahan, makalah subversif, atau benda yang menchederakan yang berada dalam pemilekan sa-orang pegawai polis di-bawah bab 14 atau 19 boleh di-hapuskan dengan chara saperti yang di-perentahkan oleh Pesurohjaya Polis ; dan jika ingkar terhadap perentah tersebut berhubong dengan sebarang harta-benda sedemikian cheraian (2) hendak-lah di-kenakan terhadap-nya.

(2) Tertaalok kapada cheraian (1), sharat2 dari Undang2 Peratoran Jenayah yang berhubong dengan penghapusan harta-benda perkara yang menjadi kesalahan, akan di-kenakan kapada sebarang harta-benda yang berada dalam pemilekan sa-orang pegawai polis di-bawah bab 14 atau 19.

(3) Tiada sebarang apa pun di-dalam bab ini akan di-ambil bagi menyentoh sebarang hak untuk menahan atau menghapuskan harta-benda yang mana boleh terdapat dalam undang2 selain dari bab ini.

21. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa yang berlawanan yang terkandong di-dalam sebarang undang2 bertulis yang lain, sebarang pegawai polis boleh dalam sebarang kawasan tertentu menggunakan kekerasan sebagaimana, mengikut keadaan hal itu, yang mungkin perlu lagi berpatutan, kekerasan mana boleh di-lakukan sehingga menggunakan senjata2 yang merbahaya, supaya dapat —

(a) (i) menghasilkan penangkapan sebarang orang yang gagal menurut sebarang perentah di-bawah bab 11 atau 15 atau sesiapa jua yang ia mempunyai alasan2 yang munasabah untuk menshakki telah melakukan sesuatu kesalahan terhadap bab 28, 29 atau 30 ; atau

(ii) menghasilkan penangkapan sebarang orang yang gagal menurut sesuatu arahan atau isharat supaya berhenti di-mana mana2 sekatan atau sebelum sampai kamana2 sekatan yang telah di-pasang atau di-letakkan di-bawah bab 14 ; atau

(iii) menghasilkan penangkapan sebarang orang yang ia mempunyai alasan2 yang

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

munasabah untok menshakki telah melakukan sesuatu kesalahan terhadap sebarang sharat dari sebarang undang2 bertulis yang mana pada masa itu ditentukan di-dalam Jadual ini ;

- (b) mengatasi penentangan kuat yang di-lakukan oleh sebarang orang terhadap penangkapan itu ; atau
- (c) menchegah sebarang orang yang telah di-tangkap dari melepaskan diri atau di-tolong melepaskan diri seperti yang di-sebutkan tadi ; atau
- (d) menyuraikan sebarang kumpolan haram.

(2) Tiap2 orang yang di-tangkap di-bawah cheraian (1)(a) hendak-lah dengan seberapa segera selepas penangkapan-nya di-beri amaran dengan terang mengenai sharat2 cheraian (1)(c).

(3) Tiada sebarang apa pun di-dalam bab ini akan mengurangkan hak mempertahankan diri sendiri yang terkandong di-dalam bab2 96 hingga 106 dari Undang2 Hukuman Jenayah.

Penggal 22.

(4) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh dari semasa ka-semasa meminda Jadual ini dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.

22. (1) Sebarang pegawai polis boleh dalam kawasan tertentu merampas dan mengambil milek sebarang benda atau bahan yang boleh, dan yang pada pendapat-nya mungkin akan, di-gunakan bagi maksud2 menyerang.

Kuasa 'am
untok
merampas
benda2
tertentu dll.

(2) Sebarang benda atau bahan yang di-rampas di-bawah bab ini hendak-lah di-hapuskan sechara yang Pesurohjaya Polis mungkin memerentahkan.

23. (1) Dalam bab ini "pasukan keselamatan" berma'ana sebarang pasukan keselamatan selain daripada pasukan polis.

Kuasa2
anggota2
pasukan2
keselamatan
selain
daripada
pegawai2
polis.

(2) Dalam sebarang kawasan yang tertentu, mana2 pemerentah dari sebarang pasukan keselamatan dan

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

mana2 anggota dari pasukan tersebut di-bawah perentahnya boleh, manakala menjalankan tugas berkaitan dengan pemeliharaan atau pemulehan ketenteraman dalam Negeri menjalankan —

- (a) kuasa2 menangkap yang di-beri kapada sa-seorang pegawai polis oleh bab 38(1) berhubong dengan se-suatu kesalahan terhadap Undang2 ini ; dan
- (b) sebarang kuasa yang di-beri kapada sa-seorang pegawai polis oleh bab2 11, 13(b), 14, 15, 16(2) dan (4), 19, 21 dan 22(1) dengan chara yang sama seolah-olah sebutan di-dalam mana2 bab tersebut terhadap sa-orang pegawai polis adalah sebutan2 terhadap sa-seorang anggota dari pasukan sebagaimana yang tersebut dahulu yang sama pangkat-nya.

(3) Tidak sa-orang anggota pun dari mana2 pasukan keselamatan akan bertanggong-jawap terhadap —

- (a) sebarang kerugian atau kerosakan kapada sebarang kenderaan atau kapal ; atau
- (b) apa jua kechederaan kapada sesiapa pun,

jika kerugian, kerosakan atau kechederaan tersebut adalah akibat kegagalan sa-seorang itu menurut perentah sa-seorang anggota dari pasukan keselamatan itu atau mana2 pasukan keselamatan lain atau sa-seorang pegawai polis yang bertindak di-dalam kawasan tertentu di-bawah bab 14.

Penggal 7.

(4) Sharat2 Penggal III dari Undang2 Peratoran Jenayah ada-lah di-kenakan pada sa-seorang anggota dari sebarang pasukan keselamatan yang menjalankan kuasa2 di-bawah cheraian (1) dengan chara yang sama sebagaimana yang di-kenakan kapada sa-seorang pegawai polis.

(5) Bagi maksud2 cheraian (2) —

- (a) "pemerentah dari sebarang pasukan bersenjata" berma'ana sa-seorang pegawai yang bertauliah pada masa itu memerentah sebarang anggota dari mana2 pasukan keselamatan

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

tersebut dalam kawasan tertentu dan sedang menjalankan tugas berkaitan dengan pemeliharaan atau pemulihan ketenteraman dalam Negeri ;

- (b) sa-seorang pegawai yang bertauliah dari mana2 pasokan keselamatan ada-lah di-anggap sama pangkat-nya dengan sa-seorang pegawai polis yang tinggi dari pangkat sarjan dan sa-orang sarjan atau pegawai rendah (petty officer) dari mana2 pasokan keselamatan tersebut ada-lah di-anggap sama pangkat-nya dengan sa-seorang pegawai polis yang ber-pangkat sarjan.

BAHAGIAN IV

KESALAHAN2

Hukoman2 bagi kesalahan2 tertentu di-bawah Bahagian III

24. Jika sa-seorang melanggar atau gagal mematohi sebarang perentah, arahan atau isharat yang di-buat atau di-berikan atau keperluan yang di-kenakan di-bawah bab 13, 14, 15 atau 16, ia ada-lah (dengan tidak menyentoh sebarang sharat tertentu yang terkandong dalam Undang2 ini) melakukan satu kesalahan : Hukoman, penjara selama satu tahun dan denda sebanyak dua ribu ringgit.

Hukoman bagi
kesalahan2
tertentu.

Sumpah2 haram

25. Sebarang orang yang —

- (a) mengangkat, atau hadzir di- dan bersetuju mengangkat, sebarang sumpah, atau sebarang sebarang ikrar yang bersamaan dengan sum-pah, yang pada hakikat-nya mengikat orang yang mengangkat sumpah itu supaya melakukan sebarang kesalahan yang boleh di-hukom bunoh ; atau
- (b) mengangkat sumpah atau ikrar seperti itu, tetapi bukan di-paksa berbuat begitu,

Sumpah2
haram untuk
melakukan
kesalahan2
besar.

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

ada-lah melakukan satu kesalahan ; Hukuman, penjara selama sa-puloh tahun.

Lain2 sumpah haram untuk melakukan kesalahan2.

26. Sebarang orang yang —

- (a) mengangkat, atau hadzir di dan bersetuju mengangkat, sebarang sumpah, atau sebarang ikrar yang bersamaan dengan sumpah; yang pada hakikat-nya mengikat orang yang mengangkat sumpah itu —
 - (i) melakukan perbuatan memberontak atau menderhaka ;
 - (ii) melakukan kesalahan yang tidak boleh di-hukom bunoh ;
 - (iii) mengachau ketenteraman ramai ;
 - (iv) menjadi sa-orang ahli mana2 pertubohan, persatuan atau persekutuan yang di-tubohkan bagi maksud melakukan sebarang perbuatan yang tersebut ;
 - (v) patoh kapada arahan2 atau perentah2 mana2 jawatankuasa atau badan orang2 yang di-tubohkan sechara haram, atau sebarang pemimpin atau pemerentah atau lain orang yang tidak mempunyai kuasa di-sisi undang2 bagi tujuan itu ;
 - (vi) tidak memberitahu atau memberi keterangan terhadap rakan atau sekutu, atau sebarang orang lain ;
 - (vii) tidak mendedahkan atau menchari menemui sebarang persatuan, pertubohan atau persekutuan haram, atau sebarang perbuatan haram yang di-buat atau akan di-buat, atau sebarang sumpah haram atau ikrar yang mungkin telah di-buat atau di-suroh atau di-ambil-nya sendiri atau sebarang orang lain, atau membawa masok sebarang sumpah atau ikrar saperti itu ; atau

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

- (b) mengangkat sumpah atau perbuatan seperti itu, dengan tidak di-paksa membuatnya,

ada-lah melakukan satu kesalahan : Hukoman, penjara selama lima tahun dan denda yang tidak kurang dari sebanyak lima ribu ringgit.

Kesalahan2 yang berhubong dengan senjata2 api dan peluru2

27. Sebarang orang yang mabok atau berkelakuan tidak sempurna waktu membawa senjata ada-lah melakukan satu kesalahan : Hukoman, penjara selama enam bulan dan denda sebanyak satu ribu ringgit.

Membawa senjata api waktu mabok atau tidak ketentuan.

28. (1) Dalam mana2 daerah tertentu, sebarang orang yang tidak mempunyai alasan yang sah di-sisi undang2, tanggong-jawap membuktikan yang mana ada-lah terpulang kapada orang itu, membawa atau memileki atau di-bawah kawalan-nya —

Memileki senjata2 api dan peluru2 sechara haram.

- (a) sebarang senjata, tanpa kebenaran yang sah ; atau
(b) sebarang peluru atau letupan, tanpa kebenaran sah,

ada-lah melakukan satu kesalahan : Hukoman, mati.

(2) Sa-seorang itu ada-lah di-anggap mempunyai kuasa yang sah di-sisi undang2 bagi maksud2 bab ini hanya jika ia —

- (a) ada-lah sa-orang anggota sebarang pasukan keselamatan atau sa-orang pegawai penjara dan sedang membawa atau memileki atau di-bawah kawalan-nya senjata api, peluru2 atau bahan letupan itu dalam atau yang berhubong dengan perlaksanaan tugas-nya ; atau
(b) ada-lah sa-orang yang di-beri lisen sepenuhnya, atau di-berikuasa tanpa sesuatu lisen, di-bawah sharat2 sebarang undang2 bertulis yang pada masa itu berjalan kuatkuasa-nya membawa, memileki atau mempunyai di-bawah kawalan-nya senjata api, peluru2 atau bahan letupan tersebut ; atau

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

- (c) ada-lah sa-orang yang di-kechualikan daripada sharat2 dari bab ini, atau sa-orang anggota dari sesuatu peringkat orang yang di-kechualikan itu, oleh Pesurohjaya Polis dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* :

Dengan sharat tidak sesiapa pun jua akan di-anggap mempunyai kuasa yang sah di-sisi undang2 bagi maksud2 bab ini atau akan di-kechualikan daripada bab ini jika ia membawa atau memileki atau di-bawah kawalan-nya sebarang senjata api, peluru2 atau bahan letupan sedemikian bagi tujuan menggunakan benda2 tersebut dengan chara yang memudharatkan keselamatan orang ramai atau pemeliharaan ketenteraman dalam Negeri.

(3) Sa-saorang itu akan di-anggap mempunyai alasan yang sah di-sisi undang2 bagi maksud bab ini chuma kalau ia membuktikan —

- (a) bahawa ia telah mendapat senjata api, peluru2 atau ubat bedil saperti itu dengan chara yang sah di-sisi undang2 dan bagi tujuan yang sah di-sisi undang2 ; dan
- (b) bahawa ia tidak pada bila2 masa sambil membawa atau ada dalam milek-nya atau di-bawah kawalan-nya senjata api, peluru2 atau ubat bedil saperti itu, bertindak sechara menyinggong keselamatan umom atau penjagaan ketenteraman 'am.

(4) Sa-seorang yang di-tudoh kerana sesuatu kesalahan di-bawah bab ini tidak akan di-benarkan jamin.

Membawa senjata2 yang menjadi kesalahan dan menyebabkan kekachauan di-tempat2 orang ramai

Membawa senjata2 yang menjadi kesalahan di-tempat2 orang ramai.

29. (1) Sebarang orang yang di-tempat orang ramai membawa atau ada dalam milek-nya atau di-bawah kawalan-nya sebarang senjata yang menjadi kesalahan selain daripada dengan kebenaran yang sah di-sisi undang2 atau semata-mata bagi tujuan yang sah di-sisi undang2 ada-lah melakukan satu kesalahan : Hukoman, penjara selama dua tahun dan denda sebanyak lima ribu ringgit.

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

(2) Dalam sebarang pendaawaan bagi sesuatu kesalahan di-bawah cheraian (1) tanggong-jawap membuktikan bahawa yang di-tudoh telah membawa senjata seperti itu atau ada dalam milek-nya atau di-bawah kawalan-nya semata-mata bagi tujuan yang sah di-sisi undang2 ada-lah terpulang kapada yang di-tudoh itu.

(3) Sa-seorang akan di-anggap mempunyai kebenaran yang sah di-sisi undang2 bagi maksud bab ini kalau membawa atau memileki atau ada di-bawah kawalan-nya sebarang senjata yang menjadi kesalahan —

- (a) dalam atau yang berhubung dengan perlaksanaan tugas-nya sebagai sa-orang anggota dari mana2 pasukan keselamatan atau sebagai sa-orang dalam perkhidmatan Kerajaan atau mana2 pehak berkuasa di-dalam Negeri ; atau
- (b) sebagai sebahagian dari pakaian rasmi atau adat istiadat dalam sebarang achara rasmi atau adat istiadat.

30. Sebarang orang yang —

Kekachauan
di-tempat2
orang ramai.

- (a) di-mana2 tempat orang ramai atau di-mana2 mashuarat, menggunakan perkataan2 yang menakutkan, menchercha, menjatohkan maruah atau kelakuan dengan tujuan hendak menyebabkan pechah keamanan atau dengan itu akan mungkin berlaku pechah keamanan ; atau
- (b) sesudah di-beri oleh sebarang pegawai polis mana2 perentah bagi tujuan menchegah halangan atau menjaga ketenteraman di-mana2 tempat orang ramai, dengan tidak mempunyai alasan di-sisi undang2, melanggar perentah yang di-beri kepada-nya,

ada-lah melakukan satu kesalahan : Hukuman, penjara selama tiga bulan dan denda sebanyak lima ratus ringgit.

Perbuatan2, perkataan2 dan makalah2 subversif

31. Sebarang orang yang —

Perbuatan2
atau
perkataan2
subversif.

- (a) membuat sebarang perbuatan subversif ; atau

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

(b) menuturkan sebarang perkataan2 subversif,

ada-lah melakukan satu kesalahan : Hukoman, penjara selama lima tahun dan denda yang tidak kurang dari sebanyak lima ribu ringgit.

Mengimpot,
membuat, dll.
benda2
subversif.

32. Sebarang orang yang mengimpot, membuat, men-chetak, menyiaran, menjual, menawarkan untuk jualan, mengeluarkan, membahagikan, mengkelilingkan atau mengeluarkan semula sebarang benda subversif ada-lah melakukan satu kesalahan : Hukoman, penjara selama tu-joh tahun dan denda yang tidak kurang dari sebanyak tu-joh ribu ringgit :

Dengan sharat ia-itu tiada sesiapa pun jua akan di-thabitkan melakukan sesuatu kesalahan di-bawah bab ini kalau ia membuktikan dengan memuaskan mahkamah bahawa benda yang dengan mana ia-nya di-tudoh telah di-impot, di-buat, di-chetak, di-siarkan, di-jual, di-tawarkan untuk jualan, di-keluarkan, di-bahagikan, di-kelilingkan atau di-terbitkan semula, sebagaimana mungkin perkara itu, tanpa kebenaran, persetujuan dan pengetahuan-nya, dan tanpa sebarang kemahuhan untuk menjaga atau memerhatikan pada pehak-nya, dan bahawa ia tidak tahu dan tidak mempunyai alasan menshakki keadaan benda itu.

Memileki
benda2
subversif.

33. (1) Sa-seorang yang tidak mempunyai alasan yang sah di-sisi undang2 membawa atau ada dalam milek-nya atau di-bawah kawalan-nya sebarang benda subversif ada-lah melakukan satu kesalahan : Hukoman, penjara selama lima tahun dan denda yang tidak kurang dari sebanyak lima ribu ringgit.

(2) Sebarang orang atau sebarang orang yang memegang jawatan dalam mana2 persatuan atau sebarang ahli yang bertanggong-jawap atau wakil dari mana2 pertubohan yang menerima sebarang benda subversif hendak-lah menyerahkan benda itu dengan tidak berlengah-lengah lagi kepada pegawai polis ; dan mana2 orang, orang yang memegang jawatan, ahli atau wakil yang gagal berbuat sedemikian, atau siapa, melainkan dibenarkan berbuat sedemikian oleh sa-orang pegawai polis yang berpangkat tidak kurang dari penguasa polis, menghubungkan isi kandongan benda saperti itu kepada sebarang orang lain, atau menyiaran atau

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

menghebahkan atau menyebabkan di-siarkan atau di-hebahkan isi kandongan mana2 benda saperti itu, ada-lah melakukan satu kesalahan : Hukoman, penjara selama lima tahun dan denda yang tidak kurang dari sebanyak lima ribu ringgit.

(3) Apabila dalam sebarang pendaawaan di-bawah bab ini ia-nya di-buktikan bahawa sa-seorang ada membawa atau ada dalam milek-nya atau di-bawah kawalan-nya sesuatu benda subversif ia ada-lah di-anggap telah mengetahui isi kandongan-nya dan keadaan isi kandongan benda saperti itu :

Dengan sharat ia-itu tiada sesiapa pun akan di-thabitkan melakukan sesuatu kesalahan di-bawah bab ini jika ia membuktikan dengan memuaskan mahkamah —

- (a) bahawa ia tidak mengetahui isi benda dan keadaan isi kandongan makalah subversif itu yang mana sedang di-bawa-nya atau ada dalam milek-nya atau di-bawah kawalan-nya ; dan
- (b) bahawa ia ada membawa atau benda subversif itu ada dalam milek-nya atau di-bawah kawalan-nya dalam keadaan saperti itu ia sama sekali tidak mempunyai sebab yang munasabah untuk memperchayai atau menyangka bahawa benda saperti itu ada-lah satu benda subversif.

Berita2 palsu dan kenakalan orang ramai

34. Sebarang orang yang, sama ada sechara lisan atau sechara bertulis atau dengan apa jua chara lain, menyebarkan berita2 palsu atau membuat kenyataan2 palsu yang mungkin menyebabkan orang ramai takut atau gundah gulana ada-lah melakukan satu kesalahan : Hukoman, penjara selama satu tahun dan denda sebanyak satu ribu ringgit.

Menyebarkan berita palsu.

35. (1) Sebarang orang yang, sama ada sechara lisan atau sechara bertulis atau dengan apa jua chara lain, menyiarkan, atau memberi kapada mana2 orang, sebarang maklumat yang mana di-ketahui-nya sebagai palsu dan yang mana mungkin menimbulkan kebimbangan orang ramai.

Kenakalan orang ramai.

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

bangan bagi keselamatan mana2 orang atau hartabenda ada-lah melakukan kesalahan kekachauan orang ramai : Hukoman, penjara selama tiga tahun dan denda sebanyak lima ribu ringgit.

(2) Jika ia-nya di-buktikan bahawa orang yang dituduh dengan kesalahan di-bawah bab ini menyiarkan atau memberi maklumat palsu, ia ada-lah, sehingga ia-nya di-buktikan sa-balik-nya, di-anggap bahawa ia mengetahui maklumat tersebut sebagai palsu.

Membantu dan gagal mengadukan kesalahan2

Membantu
dan gagal
mengadukan
kesalahan2.

36. (1) Sebarang orang yang membantu melakukan sebarang kesalahan di-sisi undang2 ini ada-lah melakukan satu kesalahan : Hukoman, hukoman yang sama seperti yang di-persharatkan bagi kesalahan yang di-bantu.

(2) Sebarang orang yang tahu atau mempunyai sebab yang munasabah perchaya bahawa sa-seorang lain itu salah kerana sesuatu kesalahan di-sisi undang2 ini, gagal mengadukan yang sama kepada sa-orang pegawai polis ada-lah melakukan satu kesalahan : Hukoman, penjara selama satu tahun dan denda sebanyak satu ribu ringgit.

Sekatan keatas
pendaawaan.

37. Sesuatu pendaawaan bagi sebarang kesalahan terhadap Undang2 ini tidak boleh di-jalankan melainkan dengan kebenaran Pegawai Pendaawa Raya :

Dengan sharat ia-itu —

(a) teratalok kapada undang2 yang pada masa itu berjalan kuatkuasa-nya berhubong dengan peratoran jenayah, sa-seorang yang di-tuduh dengan sesuatu kesalahan sedemikian boleh di-tangkap, atau satu waran bagi penangkapan-nya boleh di-keluarkan dan di-jalankan, dan sebarang orang sedemikian boleh di-tahan dalam kurongan atau di-jamin, tanpa menyentoh bahawa persetujuan Pegawai Pendaawa Raya untuk menjalankan suatu pendaawaan bagi kesalahan itu belum di-perolehi, tetapi kes ini tidak akan di-daawa selanjut-nya sehingga persetujuan itu telah di-perolehi ; dan

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

- (b) bila sa-seorang di-hadapkan ka-mahkamah di-bawah bab ini sebelum Pendaawa Raya bersetuju kapada pendaawaan itu tudohan itu hendak-lah di-terangkan kapada-nya tetapi ia tidak akan di-panggil untok mengaku, dan sharat2 undang2 yang pada masa itu berjalankuatkuasa-nya yang berhubong dengan peratoran jenayah hendak-lah di-ubahsuai kerana-nya.
38. (1) Sa-seorang pegawai polis boleh menangkap tanpa waran sebarang orang yang di-dapati atau di-shakki dengan munasabah melakukan atau choba melakukan atau mengakibatkan atau membantu sebarang orang untuk melakukan sesuatu kesalahan terhadap Undang2 ini ; dan bagi maksud2 Undang2 Peratoran Jenayah setiap kesalahan terhadap Undang2 ini ada-lah boleh di-tangkap.
- Kesalahan2 yang boleh di-tangkap dan di-jamin.
- (2) Jaminan ada-lah mengikut pertimbangan berhubong dengan setiap kesalahan terhadap Undang2 ini selain daripada sesuatu kesalahan di-bawah bab 28.
39. Dengan tidak menyentoh bidangkuasa Mahkamah Tinggi, sesuatu Mahkamah Majistret ada-lah mempunyai bidangkuasa untuk membicharakan sebarang kesalahan terhadap Undang2 ini, selain daripada sesuatu kesalahan terhadap bab 28, dan untok mengenakan sebarang hukuman yang di-tentukan bagi kesalahan itu yang tidak melebihi penjara selama lima tahun dan denda sebanyak sepuluh ribu ringgit atau kedua2 penjara dan denda tersebut.
40. (1) Manakala sa-barang perentah di-buat atau arahan di-berikan di-bawah bab 10 atau sebarang sharat dari Bahagian III (selain dari bab 17), orang yang membuat perentah tersebut atau memberi arahan tersebut akan memerentahkan supaya di-ishtiharkan kesan2 perentah itu atau arahan itu secepat mungkin, sechara yang difikirkan-nya mustahak untok mendapatkan perhatian semua orang, siapa, dalam pendapat-nya, patut mengetahui perentah itu ; dan perentah atau arahan tersebut akan berjalan kuatkuasa-nya sebaik2 sahaja perishtiharan yang tersebut telah di-beri tanpa siaran dalam *Warta Kerajaan*.
- Bidangkuasa Mahkamah Majistret.
- (2) Dengan tidak menyentoh bab 15 dari Undang2 Tafsiran dan Perkara2 'Am, 1959, sebarang perentah yang di-
- Penyiaran perentah2 dan arahan2 tertentu.
- Bil. 5 tahun 1959.

UNDANG2 KETENTERAMAN DALAM NEGERI, 1982

buat atau arahan yang di-berikan di-bawah sebarang sharat terhadap mana cheraian (1) di-kenakan boleh pada bila2 masa semasa pelanjutan-nya di-ubah atau dibatalkan oleh mana2 orang yang di-beri kuasa untuk membuat perentah tersebut atau memberi arahan tersebut tetapi dengan tidak menyentoh kesahan perentah atau arahan yang dahulu atau terhadap apa jua yang telah di-buat di-bawah-nya atau terhadap kuasa orang tersebut untuk membuat suatu perentah yang baru atau memberi suatu arahan yang baru di-bawah sharat sedemikian saperti yang tersebut dahulu.

Mengenakan
bab 36 dari
Undang2
Tafsiran dan
Perkara2 'Am,
1959.
Bil. 5 tahun
1959.

Pemansokhan.
Bil. 6 tahun
1962.

Bil. 5 tahun
1959.

41. Bagi mengelakkan keraguan ada-lah dengan ini di-ishtiharkan bahawa bab 36 dari Undang2 Tafsiran dan Perkara2 'Am, 1959 (yang mengandungi sharat2 mengenai kesalahan2 di-bawah dua undang2 atau lebih) ada-lah di-kenakan kapada Undang2 ini.

42. (1) Undang2 Ketenteraman Dalam Negeri, 1962 (selepas ini di-panggil sebagai "Undang2 yang di-pinda") ada-lah dengan ini di-mansokhkan.

(2) Dengan tidak menyentoh bab 9(2) dari Undang2 Tafsiran dan Perkara2 'Am, 1959 undang2 tambahan, surat2 chara, perentah2 dan arahan2 yang di-buat atau ditentukan oleh atau di-bawah Undang2 yang di-mansokhkan tidak akan berkuatkuasa lagi manakala berjalan kuatkuasa Undang2 ini tetapi dengan tidak menyentoh kesahan undang2 tambahan, surat2 chara, perentah2 dan arahan2 tersebut atau terhadap apa jua yang telah di-buat di-bawah-nya.

Bab 21.

JADUAL

Penggal 22.

Hukoman Jenayah . . . Bab2 143, 144, 145, 147, 148, 151, 152, 153, 157, 158, 160, 379, 380, 382, 430, 431, 436 dan 438.

Di-luluskan pada 11 haribulan Disember, 1982.

DATO PADUKA HAJI JUDIN HAJI ASAR
Jurutulis,
Majlis Mashuarat Negeri,
Brunei.